

## Nota Ketua Editor

*MUNSYI Jurnal Pengajian Sejarah* keluaran Jun 2024 mengandungi lima artikel yang mempunyai bidang sejarah yang berbeza. Makalah pertama oleh Muhamad Shafiq Mohd Ali, Yunus Sauman dan Zuliskandar Ramli adalah dalam bidang arkeologi. Ia berkisar tentang penemuan tembikar tanah yang dilaporkan di seluruh Malaysia. Tembikar Tanah merupakan penemuan yang penting dalam kajian arkeologi kerana ia memberi pelbagai jenis maklumat berkenaan masyarakat prasejarah yang menggunakaninya. Perbincangan di dalam makalah ini menyimpulkan tentang dua kemungkinan iaitu wujudnya kegiatan perdagangan antara masyarakat di kawasan pedalaman dan kawasan pesisir dan juga kewujudan teknologi dalam masyarakat prasejarah.

Makalah kedua memberikan maklumat penting dalam kajian sejarah iaitu tentang sumber primer. Perbincangan yang diketengahkan oleh Siti Hawiyah Manan dalam makalah yang bertajuk Koleksi Surat Persendirian Zainal Abidin Bin Ahmad (Za'ba) dalam Simpanan Arkib Negara Malaysia memberi maklumat berhubung tokoh tersohor Za'ba. Selain daripada latar belakang peribadi tokoh berkenaan, artikel ini memberikan maklumat berhubung warisan intelektual Za'ba dalam bentuk koleksi sumber primer di Arkib Negara. Pendedahan ini diharap akan membuka minat kepada generasi masa kini, khususnya penyelidik muda untuk melakukan kajian terhadap tokoh *polymath* dalam sejarah Malaysia.

Perbincangan dalam makalah ketiga berkisar tentang bidang pendidikan sejarah. Ia memberi sumbangan penting untuk pemahaman lebih mendalam berhubung kurikulum sejarah dan nilai yang diterapkan di dalamnya. Penulis (Asmahani dan Md Hafis) menyatakan bahawa pembangunan kualiti pendidikan amat penting dalam proses pemerkasaan sesebuah negara. Ia berasaskan kepada fakta di mana kurikulum sejarah merupakan subjek penting yang digunakan sebagai medium untuk menanamkan jatidiri dan cintakan negara. Perbincangan menunjukkan bahawa Malaysia dan Indonesia mempunyai pendekatan yang agak berbeza dalam perlaksanaan kurikulum sejarah. Namun di sebalik perbezaan yang wujud, kajian ini mendapati bahawa persekitaran sosial memberikan kesan yang besar kepada pengajaran dan penerapan nilai yang dirancang di dalam pengajaran sejarah.

Sejarah membuktikan bahawa Malaysia menghadapi bencana banjir yang mengorbankan nyawa dan harta benda setiap tahun. Bagi tahun 2024, Jabatan Metereologi Malaysia menjangkakan Monsun Timur Laut (musim tengkujuh) bermula pada November 2024-Mac 2025. Sehubungan itu, makalah ke empat di dalam keluaran ini menumpukan kepada sejarah pengurusan banjir di daerah Timur Laut, Pulau Pinang sejak 1957 sehingga 1977. Ia bertujuan untuk merealisasikan peranan ilmu sejarah sebagai panduan dalam kehidupan. Penelitian di dalam makalah ini memperlihatkan bahawa pengurusan banjir yang berkesan memerlukan kerjasama kolektif daripada semua agensi dan pihak yang bertanggungjawab di sesebuah lokasi.

Makalah terakhir di dalam keluaran ini menumpukan kepada kegiatan politik Tengku Razaleigh Hamzah. Ia memperlihatkan perubahan pendekatan yang digunakan sepanjang di dalam era pentadbiran Tunku Abdul Rahman sehingga era pentadbiran Dato' Sri Najib Tun Razak. Perbincangan berhubung sejarah politik moden ini memperlihatkan kedinamikan yang berlaku dalam sejarah politik di Malaysia.

Pihak jurnal ingin menjemput para pembaca untuk menyumbang artikel, ulasan buku atau nota penyelidikan bagi keluaran akan datang. Jurnal ini berhasrat untuk menjadi medium untuk membincangkan pelbagai aspek yang berkaitan sejarah. Selain daripada bidang arkeologi, historiografi, politik dan sosial, seperti yang diterbitkan di dalam keluaran ini *MUNSYI Jurnal Pengajian Sejarah* juga mengalukan tulisan dalam bidang sejarah ekonomi, sejarah lokal dan lain-lain.

Nazirah Lee  
Chief Editor  
Munsyi Jurnal Pengajian Sejarah